

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003**

Februari/Mac 2003

RMK 357 – Pentadbiran Tanah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan **SATU** adalah **WAJIB**. Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**.

Soalan **SATU** adalah **WAJIB**.

1. Pilih **SATU** daripada di bawah:

- (a) Rezab Melayu.
- (b) Hakmilik Orang Asli.
- (c) Hakmilik Strata.

dan huraikan:

- i. Ciri-ciri utama kategori hakmilik tersebut.
- ii. Isu dan masalah yang dihadapi.
- iii. Cadangan bagi memperbaiki keadaan.

(20 markah)

BAHAGIAN A (Jawab **DUA** soalan sahaja)

2. Pendaftaran adalah prasyarat hakmilik yang tidak boleh disangkal.

- i. Dengan sokongan kes-kes mahkamah bincangkan maksud 'hakmilik yang tidak boleh disangkal'.
- ii. Huraikan secara ringkas prosedur dan formaliti yang perlu dipatuhi bagi mendaftar urus niaga pindahmilik.

(20 markah)

...2/-

- 2 -

3. (a) Berikan takrifan lengkap bagi istilah berikut:
- i. Kaveat Persendirian.
 - ii. Lekapan.
 - iii. Hak Milik Sementara
- (10 markah)
- (b) Beri penjelasan tentang Prinsip 'Cermin' dan Prinsip 'Tirai' dan kesannya terhadap urusan pindah milik tanah dan pendaftaran hakmilik.
- (10 markah)
4. Takrifan 'tanah' di dalam Sek. 5 Kanun Tanah Negara 1965 telah secara tidak langsung menyatakan hak seorang pemilik terhadap pemilikan pegangannya.
- Nyatakan hak-hak ini dan syarat tersirat umum dan yang khusus untuk tanah pertanian.
- (20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

5. (a) Apakah rasionalnya diwujudkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).
- (10 markah)
- (b) Bincangkan sekatan-sekatan bagi sesuatu Lesen Pendudukan Sementara.
- (10 markah)
6. (a) Pengambilan tanah sebenarnya ada dua jenis. Bincangkan.
- (5 markah)
- (b) Huraikan prosedur dalam proses pengambilan tanah yang perlu dilakukan oleh Pentadbir Tanah.
- (15 markah)

... 3/-

- 3 -

7. (a) Nyatakan kesan keputusan kes *Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd.* [1979] M.L.J.135. terhadap kuasa Kerajaan Negeri dan kes *Kiah bt. Hanapiah v. Som bt. Hanapiah* [1953] MLJ 82 tentang takrifan tanah dan pemakaian undang-undang tanah Adat Melayu dalam Sistem Torrens Malaysia.

(10 markah)

- (b) i. Huraikan fungsi Majlis Tanah Negara dan komposisinya.
- ii. Nyatakan jenis-jenis hakmilik tanah yang diiktiraf mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

(10 markah)

-ooo00ooo-

